

KPF mahu jual saham minoriti dalam 10 syarikat milik FGV

Oleh Alzahrin Alias - Julai 11, 2024 @ 1:43pm

zahrin@mediaprima.com.my



Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF).

KUALA LUMPUR: Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF) bercadang untuk mencairkan pegangan minoriti dalam 10 syarikat yang dimiliki oleh FGV Holdings Bhd sebagai sebahagian daripada pelaksanaan pelan penstrukturkan semula aset pelaburan dan modal syer bagi memberikan aliran tunai serta pendapatan yang lebih teguh.

Pengerusi KPF, Raja Faridah Raja Ahmad, berkata pelan penstrukturkan semula itu penting bagi memastikan dana anggota KPF yang juga peneroka FELDA diletakkan dalam aset pelaburan yang dapat menjana pulangan serta memberikan dividen yang lebih baik.

Beliau berkata, pelan penstrukturkan itu juga membolehkan KPF mengatasi isukekangan aliran tunai yang dihadapinya ketika ini dan menetapkan masa pelaksanaan antara enam hingga sembilan bulan.

"Penjualan saham dalam 10 syarikat milik FGV itu akan membolehkan kami mendapat tunai sebanyak RM208 juta.

| DISYORKAN UNTUK ANDA

- LTAT tumpu transformasi tingkat pulangan pelaburan
- 'Pengurusan FELDA perlu dipulihkan'
- Hari Peneroka FELDA 2024 di MAEPS
- LTAT nafi dakwaan punca CEO letak jawatan
- LTAT tiada hasrat jual pegangan saham dalam Bousted Plantations - Mohamed Khaled
- FELDA rekod pendapatan RM186 juta suku pertama 2024
- Pengeluaran Akaun 3 tak jejas strategi pelaburan KWSP
- KAPB umum agihan dividen lapan peratus kepada 14,000 ahli

Jumlah itu dapat membantu KPF membayar tunggakan pelbagai isu seperti pulangan dividen dan penebusan syer anggota yang ketika ini berjumlah RM200 juta.

"Malah, proses pembayaran penebusan sudah dilaksanakan bermula minggu ini sebanyak RM17 juta dan bakinya akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan KPF Ke-43 di sini, hari ini.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Turut hadir, Pengarah Besar FELDA, Datuk Amiruddin Abdul Satar; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Nazrul Izam Mansor dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Amran Abd Kadir.

Raja Faridah berkata, langkah lain yang akan dilaksanakan adalah penjualan ladang KPF Samarahan yang dianggarkan bernilai RM1 bilion, penstrukturkan semula pelaburan korporat dalam anak syarikat kumpulan FELDA dengan sokongan FELDA, mengenal pasti peranan KPF dan peluang perniagaan dalam Kumpulan FELDA serta memastikan kepentingan KPF dalam kitaran ekonomi ekosistem Kumpulan FELDA.

Beliau berkata, usaha sedang giat dijalankan bersama anak kumpulan FELDA supaya inisiatif itu dapat dilaksanakan sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Katanya, ia bagi memastikan ketersediaan pulangan daripada pelaburan tetap ini untuk menentukan pulangan kepada anggota pada tahun-tahun akan datang bermula 2025.

"Setelah pencairan aset dan penyusunan semula pelaburan, KPF akan melaksanakan pula peruntukan aset strategik, dengan dana secukupnya diletakkan dalam bidang pelaburan dan perniagaan yang mampu dan mampu memberikan pulangan yang optimum dan konsisten kepada anggota," katanya.

Sementara itu, Ahmad Shabery memberi jaminan kepada anggota KPF bahawa beliau sendiri akan memastikan pelan penstrukturkan itu berjalan lancar.

Beliau berkata, ini bagi membolehkan KPF terus menjadi nadi utama kepada pemerkasaan peneroka FELDA dan memberikan pulangan yang lebih baik.

Katanya, KPF juga disarankan untuk melaksanakan pelaburan dalam bidang ekonomi baru seperti tenaga boleh diperbaharui.

"Saya memberi jaminan perkara ini akan diselesaikan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan. Pada masa sama anggota KPF perlu bersama-sama dengan semua pihak. KPF bukanlah satu organisasi yang bermasalah kerana ia mempunyai nilai aset pelaburan dan modal syer sebanyak RM4 bilion dan antara koperasi terbesar negara."

"Saya juga sudah mengadakan perbincangan dengan FGV bagi membolehkan kecairan kepentingan KPF dalam kumpulan itu dapat dilaksanakan."

"Selepas ini, KPF perlu lebih ke hadapan dan melabur dalam bidang perniagaan baharu yang dapat memberikan pulangan tinggi selain menumpukan kepada bidang perniagaan berkaitan kelapa sawit," katanya.